

INFO Zakat

KELUARAN 2/2021



www.zakatpenang.com

EDARAN PERCUMA



Dapatkan maklumat berkaitan Zakat Pulau Pinang, MAINPP di pelbagai medium rasmi kami:



04-5498088



Laman web rasmi : zakatpenang.com Portal Pengguna : zakatpenang2u.com

"Amanah Ummah Dijaga, Hak Asnaf Dibela"

PELEPASAN PELAJAR PULAU PINANG KE JORDAN

PROGRAM PENGHANTARAN PELAJAR
DARI PULAU PINANG

UNIVERSITI TIMUR TENGAH (JORDAN)

4-25 SEPTEMBER 2021

Sy Syarikat Islam (Malaysia)
Islamic Services International
Malaysia Chapter

PULAU PINANG BAHAGIAN PENDIDIKAN

Seramai 24 orang pelajar negeri Pulau Pinang telah bertolak ke KLIA sebelum berlepas ke Jordan bagi menyambung pengajian masing-masing. Setiap pelajar menerima Bantuan Permulaan Ke IPT Luar Negara bernilai RM2,000. Mereka juga layak memohon Bantuan Dermasiswa Pengajian Zakat Pulau Pinang pada tahun hadapan yang berjumlah RM12,000 setahun untuk setiap seorang.

Jumlah pelajar yang menerima Bantuan Permulaan Ke IPT untuk tahun 2021 setakat ini adalah seramai 1,937 orang pelajar dengan jumlah agihan zakat sebanyak RM1.21 juta.

Moga dipermudahkan urusan mereka, pulang dengan kejayaan serta memberi manfaat buat ummah.

Sekalung penghargaan buat Bahagian Pendidikan dan Bantuan IPT, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dan Bahagian Pendidikan, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang yang turut bertungkus lumus menguruskan segala urusan pelajar-pelajar negeri Pulau Pinang ke Jordan. Terima kasih juga kepada semua pembayar zakat ZPP.

Kini berzakat lebih mudah melalui portal zakatpenang2u.com





Ketua Pegawai Eksekutif ZPP, En. Amran Hazali telah mengiringi pelajar Negeri Pulau Pinang ke Mesir bagi menyambung pengajian mereka di Universiti Al-Azhar.

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF, ZPP MENGIRINGI PELAJAR KE MESIR

Mereka merupakan penerima Bantuan Permulaan Ke IPT Luar Negara di bawah peruntukan Asnaf Fi-Sabilillah dan bakal penerima Bantuan Dermasiswa Pengajian daripada ZPP. Terima kasih kepada semua Muzakki ZPP. Kini wang zakat anda dapat dinikmati oleh para pelajar.

Didoakan semoga semua pelajar beroleh kejayaan untuk pulang berbakti di tanahair, khususnya di Pulau Pinang, seterusnya bakal menjadi sebahagian dari Muzakki.

PELEPASAN PELAJAR PULAU PINANG KE UNIVERSITI AL-AZHAR, MESIR



Seramai 44 orang pelajar negeri Pulau Pinang telah bertolak ke KLIA sebelum berlepas ke Kaherah, Mesir bagi menyambung pengajian masing-masing. Kesemua mereka menerima Bantuan Permulaan IPT Luar Negara, Zakat Pulau Pinang yang bernilai RM2,000 setiap seorang. Selain itu, mereka juga layak untuk memohon Bantuan Dermasiswa Pengajian Zakat Pulau Pinang pada tahun hadapan.

Moga dipermudahkan urusan pengajian mereka, pulang dengan kejayaan serta memberi manfaat buat ummah.

Sekalung penghargaan buat Bahagian Pendidikan dan Bantuan IPT, MAINPP, Bahagian Pendidikan, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang dan Badan Kebajikan Pelajar-Pelajar Pulau Pinang Mesir yang telah bertungkus lumus menguruskan segala urusan pelajar-pelajar negeri Pulau Pinang ke Universiti Al-Azhar, Mesir. Terima kasih kepada semua pembayar zakat ZPP.

Kini berzakat lebih mudah melalui portal zakatpenang2u.com



ASNAF DAPAT TEMPAT TINGGAL LEBIH SELESA



Zakat Pulau Pinang (ZPP) bersama individu prihatin menziarahi seorang asnaf yang tinggal di pondok usang selama 6 bulan berhampiran Jalan Permatang Nibong dan kini telah dipindahkan ke rumah sewa yang lebih selesa.

Segala kos sewaan rumah tersebut ditanggung sepenuhnya oleh ZPP dan bantuan kewangan turut disalurkan.

Terima kasih kepada semua pembayar zakat ZPP. Zakat anda telah membantu kehidupan asnaf ini.





BANTUAN HAMPER MAKANAN DI KAWASAN PKPD

Penyerahan bantuan makanan sebanyak 100 paket dari ZPP telah diserahkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Zakat Pulau Pinang, En. Amran Hazali kepada Pegawai Daerah Seberang Perai Tengah (SPT), Tuan Kamarul Haizat Koderat selaku Pengurus Bencana Daerah SPT di Pejabat Daerah Jalan Betek, Bukit Mertajam.

Paket makanan berkenaan akan disalurkan kepada asnaf yang terjejas di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Seberang Perai Tengah dengan kerjasama Pejabat Kebajikan Masyarakat dan Jabatan Pertahanan Awam yang terlibat di kawasan tersebut. Terima kasih kepada semua pembayar zakat ZPP atas sumbangan anda.

Kini berzakat lebih mudah melalui portal zakatpenang2u.com





BANTUAN KEPADA MANGSA KEBAKARAN

ZPP telah menyalurkan bantuan kecemasan untuk mangsa kebakaran di Tanah Liat, Bukit Mertajam. Kebakaran telah mengakibatkan keseluruhan rumah musnah. Buat sementara waktu, keluarga yang tinggal sehelai sepinggang ini menumpang di rumah saudara-mara terdekat.

Bantuan ZPP yang selanjutnya akan menyusul bagi meringankan kesusahan mereka, InsyaAllah. Semoga Allah mempermudahkan segala urusan saudara-saudara kita ini.

Terima kasih kepada semua pembayar zakat ZPP. Zakat anda dapat membantu mangsa kebakaran.

Kini berzakat lebih mudah melalui portal zakatpenang2u.com





ZIARAH KASIH ASNAT VETERAN ATM

Zakat Pulau Pinang (ZPP) telah menziarahi 2 orang asnaf yang juga merupakan veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Mohamad bin Abu Bakar, 71 tahun, merupakan bekas pesakit kanser limfoma. Beliau tiada sebarang pendapatan dan hanya menerima sumbangan dari anak-anak. Tidak menerima pencen ATM kerana menamatkan perkhidmatan lebih awal. Sejak kematian isteri, beliau tinggal bersama seorang anak yang sedang menuntut di IPT dan seorang lagi anak yang bekerja kilang. 3 orang lagi anaknya tinggal berasingan.

ZPP kemudiannya menziarahi Norsakhair Parlan, 61 tahun, yang tinggal bersama isteri dan seorang anak yang masih belajar di sebuah madrasah. 5 orang lagi anaknya tinggal berasingan. Beliau kehilangan sebelah kaki pada penghujung tahun 2020 akibat kencing manis. Pendapatan keluarga ini adalah dari pencen ATM sebanyak RM300 sebulan. Isteri beliau seorang tukang urut tradisional turut membantu pendapatan keluarga.

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Operasi ZPP, En. Mohamad Kairi Ghazalli menyerahkan hamper makanan dan sumbangan wang tunai kepada kedua-dua keluarga asnaf ini.

ZPP PRIHATIN MANGSA KEPALA AIR DI YAN

DEWAN DATO' MADU



Seiring dengan objektif penubuhan Tabung Kemanusiaan ZPP, iaitu membantu mangsa bencana alam di luar Negeri Pulau Pinang, Team ZPP telah turun padang ke lokasi berlakunya kejadian kepala air di Yan, Kedah.

Sebanyak 100 unit hamper makanan hasil sumbangan daripada kakitangan KWSP Seberang Jaya dan ZPP sendiri telah diagihkan kepada keluarga terlibat.

Hamper berkenaan telah disediakan oleh kedai serbaneka Zakat Mart yang dimiliki oleh ZPP.

Kini berzakat lebih mudah melalui portal zakatpenang2u.com



PENYERAHAN BANTUAN ZAKAT KEPADA BKPPPM

Sempena lawatan kerja Ketua Pegawai Eksekutif ZPP mengiringi pelajar-pelajar Pulau Pinang ke Kaherah untuk melanjutkan pelajaran di Universiti Al-Azhar, satu upacara simbolik penyampaian zakat sebanyak RM30,000 telah diserahkan kepada Badan Kebajikan Pelajar - Pelajar Pulau Pinang Mesir (BKPPPM) dalam Majlis Ramah Mesra Delegasi Pulau Pinang bersama pelajar-pelajar Pulau Pinang yang diadakan secara hybrid. Bantuan zakat ini bagi menampung perbelanjaan aktiviti berbentuk kebajikan kepada ahli-ahli BKPPPM.

Terima kasih kepada semua pembayar zakat ZPP. Sumbangan anda sampai kepada pelajar Pulau Pinang di Mesir.



ZAKAT PULAU PINANG SANTUNI 6 BERADIK YATIM PIATU

Zakat Pulau Pinang (ZPP) menyantuni enam beradik yatim piatu di Flat Ampang Jajar, Mak Mandin. Bantuan Kewangan Bulanan sebanyak RM450 yang diterima sebelum ini oleh arwah ayah dan ibu mereka akan diteruskan kepada enam beradik ini.

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Operasi ZPP, En. Mohamad Kairi Ghazali turun menziarahi enam beradik tersebut untuk meneliti bentuk bantuan lain yang boleh disalurkan bagi meringankan beban mereka.

Ibu mereka dilaporkan meninggal dunia akibat Covid-19 awal September lalu manakala bapa mereka meninggal dunia lebih awal iaitu pada Mac lalu akibat angin ahmar.

ZPP difahamkan, sepanjang tempoh kuarantin, segala urusan keperluan harian enam beradik itu turut dibantu oleh jiran sekeliling, pihak surau dan persatuan penduduk.

Terima kasih kepada semua pembayar zakat ZPP. Kini wang zakat anda dapat membantu anak-anak mangsa Covid-19.



KERATAN AKHBAR -JUMLAH ASNAF SEGERA DI PULAU PINANG MENINGKAT



26

NASIONAL

JUMAAT 20 OGOS 2021 • SINAR HARIAN



AMRAN HAZALI

Iltizam ZPP bantu asnaf dan peniaga yang terkesan akibat Covid-19

SINAR HARIAN: Boleh tuan kongsikan senario yang berlaku di Pulau Pinang dan statistik peningkatan asnaf di negeri ini berbanding tahun lalu atau sebelum berlakunya pandemik?

AMRAN: Pandemik Covid-19 memberi kesan signifikan dalam konteks pengurusan zakat. Tidak pernah berlaku sebelum ini satu suasana di mana peningkatan jumlah asnaf amat ketara. Kita boleh rumuskan bahawa peningkatan asnaf fakir miskin walaupun bersifat sementara dan dianggap sebagai miskin sementara atau istilah yang digunakan sebagai asnaf segera, ia perlu ditangani dengan sebaik mungkin.

Mengikut statistik sebelum berlaku pandemik Covid-19 di seluruh negeri pada 2019 sebagai contoh, jumlah asnaf yang kita bantu di bawah pelbagai kategori khususnya fakir miskin ke seluruhannya berjumlah kurang lebih 30,000 penerima.

Tetapi pada tahun 2020, berlaku peningkatan amat ketara. Kita telah membantu kira-kira 40,000 jumlah penerima. Kita percaya peningkatan 10,000 ini sebahagiannya disumbangkan golongan miskin sementara dan asnaf segera.

Jika ditanya mengenai perbandingan, memang berlaku peningkatan agak ketara. Memang kita jangkakan berlaku peningkatan dari segi penerima sebab situasi terkini masih tidak menentu. Kita masih menerima permohonan zakat daripada mereka yang kita percaya amat terjes dengan pandemik Covid-19.

Boleh tuan kongsikan perkembangan terkini dua skim bantuan yang dilancarkan ZPP bagi membantu golongan terkesan disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 dan Sekatan Pergerakan Penuh sebelum ini?

Sejak Sekatan Pergerakan Penuh atau *total lockdown* diumumkan kerajaan pada 1 Jun lalu, kita telah melancarkan Skim Bantuan Khas untuk menghadapi situasi pandemik Covid-19. Selepas beberapa hari diumumkan, kita sudah buka permohonan.

Jumlah asnaf segera di Pulau Pinang meningkat

Pandemik Covid-19 yang berlarutan sehingga kini mengakibatkan ramai orang yang terkesan, sekaligus menyebabkan peningkatan

jumlah asnaf di Pulau Pinang.

Ikuti wawancara Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Pulau Pinang (ZPP), Amran Hazali bersama **wartawan Sinar Harian**, Mohd Iskandar

Othman mengenai kesan pandemik Covid-19 yang berlaku dan peranan yang dimainkan agensi berkenaan dalam menyalurkan bantuan kepada mereka yang terjejas.

Pada mulanya kita buka dalam tempoh sebulan bagi memastikan mereka yang terjejas dapat dibantu tapi kita melihat kes yang berlaku masih lagi tinggi. Maka, permohonan dibuka semula pada 9 Ogos dan ditutup 15 Ogos lalu. Diharap bantuan yang disediakan ini dapat disalurkan selewat-lewatnya pada hujung bulan ini. Insya-ALLAH di Pulau Pinang kita akan pastikan golongan berkenaan akan kita bantu sebaik mungkin.

Bagi Skim Bantuan Khas Zakat Covid-19, kita sasarkan kepada pekerja gaji harian, pemandu teksi dan e-hailing, pemandu bas, van sekolah, peniaga pasar malam, pasar tani serta guru agama yang tiada majikan dan pendakwah bebas yang bertauliah, malah kita turut memberi bantuan kepada keluarga dijangkiti Covid-19 yang menjalani kuarantin di rumah.

Walaupun peruntukan asalnya adalah sebanyak RM5 juta dengan anggaran mereka yang terjejas seramai 10,000 orang, kita telah membantu seramai 2,766 pemohon di seluruh negeri Pulau Pinang dengan jumlah peruntukan sebanyak RM1.38 juta.

Jumlah ini secara progresifnya bergerak dan masih lagi bertambah dan itu hanyalah setakat 16 Ogos. Jumlah bantuan yang diberikan iaitu dengan kadar RM500 secara *one-off*.

Sementara bagi skim bantuan makanan kecemasan, kita telah menghantar bukal makanan kepada 5,867 keluarga seluruh negeri melibatkan perbelanjaan RM933,850. Peruntukan sebanyak RM5 juta disediakan untuk skim bantuan ini dengan jangkaan melibatkan 10,000 keluarga.

Seramai 4,867 keluarga menerima bantuan ini daripada bajet ZPP sendiri, manakala 1,000 lagi menerima bantuan daripada kerjasama sumbangan Yayasan UEM. Yang terkini, kita bekerjasama dengan masjid-masjid daerah termasuk masjid negeri mulai Ogos ini dengan menyediakan 1,200 bukal makanan dan diletakkan terus melalui program gerobok rezeki atau *food bank*.

Adakah terdapat pakej bantuan lain yang sedang dirancang ZPP memandangkan Pulau Pinang kini dalam fasa 2 Pelan Pemuliharan Negara dan banyak sektor yang telah di-

benarkan beroperasi?

Terkini, kita bekerjasama dengan sebuah agensi korporat yang telah memilih ZPP sebagai rakan untuk memberikan bantuan.

Ia adalah satu skim bantuan khusus untuk peniaga kecil-kecilan yang perlu bangkit semula setelah berdepan pelbagai masalah semasa pandemik dan *total lockdown* baru-baru ini.

Insya-ALLAH maklumat itu kita akan berikan dari masa ke masa melalui platform media sosial kami. Pegawai kami di peringkat akhir sedang berbincang bagaimana bantuan ini dapat disalurkan khusus kepada golongan peniaga kecil.

Kita menyasarkan untuk membantu 350 peniaga yang bukan sahaja sebahagiannya terpaksa menutup perniagaan sebelum ini tetapi perniagaan merosot akibat daripada kekurangan pelanggan dan sebagainya.

Adakah situasi ekonomi yang tidak membangangkan disebabkan pandemik dan PKP akan memberi kesan kepada kutipan zakat tahun ini?

Tahun lalu kita berjaya mengutip sebanyak RM130.8 juta. Ia melebihi sasaran yang disemak semula selepas mengambil kira trend kutipan yang agak merosot. Tahun ini bagi enam bulan pertama di peringkat awal, kita tidak menjangkakan ada *total lockdown*, jadi kita menyasarkan sasaran tahun lalu kita bawa ke tahun ini iaitu RM136 juta.

Adakah berlaku penyusutan yang ketara dalam kutipan zakat harta dan zakat pendapatan disebabkan pandemik?

Melihat perkembangan semasa, banyak syarikat dan perniagaan ditutup. Saya juga khawatir jumlah caruman untuk skim potongan gaji atau di Pulau Pinang kita sebut sebagai skim sakinah akan berlalu kemerosotan sebab biasanya setiap tahun peningkatan agak ketara dan kebelakangan ini peningkatan agak sedikit. Ia melihatkan realiti semasa yang berlaku tetapi sekiranya perkara ini dapat diatasi, ekonomi kembali kepada landasan, jumlah ini akan meningkat kembali.

Apakah perancangan ZPP bagi meningkatkan lagi kesedaran orang ramai untuk menunaikan kewajipan zakat dalam kalangan umat Islam di negeri ini?

Tahun ini dengan segala sekatan pergerakan dan Pelan Pemuliharan Negara yang telah menyediakan segala SOP yang perlu dipatuhi, kita melihat cara promosi melalui platform media sosial secara agresif sahaja yang dapat memberi kesedaran kepada orang ramai kerana pegawai-pegawai kami tidak dibenarkan bertemu dengan masyarakat di lapangan atau membuat ceramah dan sebagainya.

Kami mengadakan ceramah secara *online* untuk memberikan kesedaran kepada orang ramai. Bagi tempoh yang ada ini, kita gerakkan sepenuhnya *team* komunikasi korporat untuk bertindak agresif mengadakan pengisian lebih kreatif. Ia bagi menarik perhatian masyarakat di luar sana untuk membayar zakat.

Kita berharap masyarakat sentiasa merujuk semua informasi melalui media sosial kita bagi mendapatkan maklumat termasuk mendapatkan bantuan. Kita turbaa menerima segala cadangan daripada masyarakat.

Sebagai penutup, mungkin tuan boleh kongsikan harapan dan iltizam ZPP bagi memastikan visi Amanah Ummah Dijaga, Hak Asnaf Dibela?

Pertama, saya ucapan terima kasih kepada pembayar zakat di negeri ini yang telah menunaikan kewajipan berzakat kepada ZPP. Setiap sen yang dibayar kepada ZPP, insya-ALLAH akan kami pastikan ia sampai kepada golongan yang layak dan golongan sarasan, apatah lagi dalam suasana pandemik, sememangnya kita memerlukan dana yang lebih besar untuk membantu golongan sasar.

Yang kedua, saya ingin menggesa masyarakat Islam untuk sentiasa memberikan kerjasama menyalurkan informasi kepada kami khususnya apabila bertemu golongan yang memerlukan bantuan. Janganlah bila bertemu, kita terus ambil peluang untuk mengkritik dan sebagainya.

ZPP sentiasa turbaa menerima cadangan orang ramai bagi memperkasakan dan mempelbagaikan agihan agar masyarakat Islam dapat dibantu termasuk mereka yang masih mengibarkan bendera putih.

C19 BUKAN PENGHALANG PEMBAYAR ZAKAT PERNIAGAAN TIDAK MENUNAIKAN KEWAJIPAN BERZAKAT DI ZAKAT PULAU PINANG

Tatkala negara berdepan dengan pandemik Covid-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), banyak industri terjejas termasuk sektor ekonomi dan perniagaan. Walau bagaimanapun, pandemik Covid-19 ini bukanlah alasan untuk para peniaga tidak melaksanakan kewajipan zakat perniagaan. Bahkan para peniaga akan disifatkan sebagai lebih menjaga kesempurnaan tuntutan berzakat ini dengan tidak melengah-lengahkan tuntutan kewajipan zakat tersebut. Pandemik Covid-19 sebenarnya mengajar kita sebagai umat Islam agar segera bermuhasabah dengan ujian besar yang melanda negara. Natijahnya adalah sebagai pedoman bagi mendidik umat Islam menjadi insan yang benar-benar bertakwa dan berserah semata-mata kepada Allah SWT.

Ramai peniaga mengakui bahawa sebelum negara di landa musibah pandemik tersebut, hasil perniagaan adalah berlipat kali ganda dengan rezeki kurniaan llahi. Bahkan boleh dikatakan pelanggan sentiasa bertambah, akan tetapi peniaga juga mengakui musibah Covid-19 ini benar-benar menguji keimanan dan ketakwaan setiap peniaga agar lebih cakna khususnya dalam kesempurnaan kewajipan menunaikan zakat perniagaan.

Bahagian Dakwah Korporat, Jabatan Operasi Kutipan (JOK) Zakat Pulau Pinang terus bertindak proaktif dan mengatur strategi dalam membantu peniaga dengan mempromosikan perniagaan pembayar dengan pelbagai konsep pada musim Pelan Pemulihan Negara (PPN) ini. Antaranya ialah pihak Bahagian Dakwah Korporat ZPP akan melakukan **taksiran perniagaan dengan menghubungi terus pegawai ZPP**, “*Direct link WhatsApp*”, meningkatkan hebahan zakat perniagaan melalui **poster di media sosial rasmi ZPP**, penyampaian taklimat zakat perniagaan melalui **virtual “Google meet”**. Pembayar zakat perniagaan akan memperolehi **“Stiker khas Rakan Zakat ZPP”** untuk ditampal di ruangan utama premis perniagaan sebagai kaedah promosi perniagaan pembayar zakat.

HUBUNGI BAHAGIAN DAKWAH KORPORAT, JABATAN OPERASI KUTIPAN (JOK) ZAKAT PULAU PINANG BAGI SEBARANG TEMUJANJI, TAKSIRAN, KUTIPAN ZAKAT PERNIAGAAN ATAU JEMPUTAN TAKLIMAT ZAKAT PERNIAGAAN DI PREMIS PERNIAGAAN ANDA			
PERNIAGAAN JENIS PERKONGSIAAN/ SDN BHD/ SYARIKAT AWAM BERHAD/ KOPERASI/BADAN BERKANUN/PERNIAGAAN ANTARABANGSA	PERNIAGAAN JENIS MILIKAN TUNGGLAL/ ENTERPRISE/ TRADING/RUNCIT/ SDN BHD	PERNIAGAAN INTERNET/ E- NIAGA (PRODUK,PERKHIDMATAN / SERVIS ONLINE & OFFLINE, AGEN JUALAN, PENGIKLANAN)	PERNIAGAAN BARU MULA BERNIAGA/ PERNIAGAAN TIADA DAFTAR SSM/PERNIGAAN KECIL- KECILAN/ IKS
HUBUNGI MAHROOS (013-455 5598)	HUBUNGI RIFQI (013-437 1739)	HUBUNGI AMIR (018-388 2320)	HUBUNGI KHAIRI (017-414 1965)





NASI DALCA JALAN MAHKAMAH, BAYAN LEPAS



PASAR MINI FAJAR BAYU ENTERPRISE
JLN DATO ISMAIL HASHIM BAYAN LEPAS

Galeri **PEMBAYAR ZAKAT**



TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF OPERASI ZPP,
EN. MOHAMAD KAIRI GHAZALLI MENAMPAL STIKER
RAKAN ZAKAT ZPP DI PREMIS PERNIAGAAN
ANH SMART VENTURE SDN BHD
JALAN MASJID KAPITAN KELING GEORGE TOWN



EK MOTO WORK
JALAN KG PISANG BUKIT MERTAJAM



QAISARA HUDA BOUTIQUE
LORONG PERDA UTAMA 4
BANDAR PERDA BUKIT MERTAJAM



Perkongsian Ilmu **& SOAL JAWAB**

PERKONGSIAN ILMU & SOAL JAWAB
ZAKAT PERNIAGAAN BERSAMA
SISWA KOLEJ PROFESSIONAL BAITULMAL
KUALA LUMPUR



1 BAYAR ZAKAT

Zakat Melalui dalam Talian

2 SEMAK BAYARAN

Rekod dan Cetak Resit Bayaran

3 KIRA ZAKAT

Kalkulator Zakat



4 MOHON BANTUAN

Pelbagai Bantuan Zakat

5 DAFTAR SKIM SAKINAH

Potongan Zakat Bulanan

6 DAFTAR SKIM KAFALAH MAHABBAH

Skim Khairat Kematian

'AMANAH UMMAH DIJAGA,
HAK ASNAF DIBELA'

zakatpenang



TAHUKAH ANDA

Zakat
TRIVIA #20

Bantuan Perubatan Ringan Tahun 2020

Membantu meringankan beban golongan Fakir dan Miskin yang tidak mampu bagi menampung pembayaran kos perubatan samada di pusat perubatan kerajaan ataupun swasta.

RM2,534,729.26

peruntukan telah dibelanjakan dan

874 Penerima

mendapat manfaat.



zakatpenang

BANTUAN PERMULAAN KE IPT ZAKAT PULAU PINANG, MAINPP BAGI KEMASUKAN DALAM & LUAR NEGARA

SIJIL / MATRIKULASI
RM600.00

DIPLOMA
RM800.00

IJAZAH
RM1,000.00

IPT LUAR NEGARA
RM2,000.00

1. TERBUKA UNTUK KEMASUKAN PERMULAAN KE IPT SAHAJA.
2. PERMOHONAN DIBUKA SEPANJANG TAHUN.
3. PERMOHONAN SAH DALAM TEMPOH 6 BULAN PERTAMA DARIPADA TARikh SURAT TAWARAN.

Daftar & Mohon
Secara Atas Talian
Di Portal Rasmi ZPP
zakatpenang2u.com

SEBARANG PERTANYAAN
04-549 8165 / 8168 / 8178
BAHAGIAN INSTITUSI & PENDIDIKAN





UNTUK KETERANGAN
LANJUT: 04-548 5026

PAKAT MAI BAYAR ZAKAT TAHUN 2021 PERNIAGAAN

- 1. Baru Mula Berniaga**
- 2. Perniagaan Kecil-kecilan/
Sederhana/ Runcit/ Iks**
- 3. Perniagaan Online / E- Niaga**
- 4. Syarikat Trading / Enterprise/
Koperasi/ Sdn Bhd/ Berhad**

KADAR ZAKAT
DIKENAKAN

2.5%



Bayar melalui portal rasmi:
zakatpenang2u.com



Amanah Ummah Dijaga, Hak Asnaf Dibela



TAHUKAH ANDA

Zakat
TRIVIA #22

**Bantuan
Sewa Rumah (Bulanan)
Tahun 2020**

Membantu meringankan beban golongan Fakir & Miskin yang tidak mampu menyediakan tempat tinggal yang selesa seterusnya menyediakan ruang kediaman yang lebih sempurna.

RM77,222.00

peruntukan telah dibelanjakan dan

44 Penerima

mendapat manfaat.



Amanah Ummah Dijaga, Hak Asnaf Dibela | zakatpenang.com | zakatpenang2u.com



TAHUKAH ANDA

Zakat
TRIVIA #23

**Bantuan
Deposit Sewa Rumah
Tahun 2020**

Membantu meringankan beban golongan Fakir & Miskin yang tidak mampu menyediakan wang pendahuluan bagi menyewa rumah sekaligus memudahkan asnaf untuk memiliki tempat tinggal yang lebih sempurna.

RM55,025.00

peruntukan telah dibelanjakan dan

41 Penerima

mendapat manfaat.



Amanah Ummah Dijaga, Hak Asnaf Dibela | zakatpenang.com | zakatpenang2u.com

RANGKAIAN KEDAI SERBANEKA

ZAKAT MART



Pusat pengedaran

PRODUK USAHAWAN ASNAF ZAKAT (PUAZ).

3 CAWANGAN

TASEK GELUGOR | TAMAN TASEK GELUGOR INDAH | BALIK PULAU

Diuruskan Oleh

Bahagian Projek Khas, Jabatan Operasi Agihan,
Zakat Pulau Pinang, MAINPP
(Tel: 04-549 8190 / 154 / 167)

Amanah Ummah Dijaga, Hak Asnaf Dibela

Saya bantu anda



TAKSIR/
CARA BAYAR
“ONLINE”
ZAKAT
PERNIAGAAN

Call / Whatsapp:
013-455 5598

zakatpenang



Zakat
TRIVIA #25

TAHUKAH ANDA

Bantuan
Kewangan (Kesusahan
Berat) Tahun 2020

Membantu meringankan beban golongan asnaf
Ghorimin yang mempunyai kesusahan berat dan
memerlukan bantuan segera bagi meneruskan
kehidupan yang lebih baik.

RM103,850.00

peruntukan telah dibelanjakan dan

39 Penerima

mendapat manfaat



Amanah Ummah Dijaga, Hak Asnaf Dibela | zakatpenang.com | zakatpenang2u.com



Januari - Jun 2021



AGIHAN ZAKAT

SEPARA TAHUN PERTAMA 2021

ZAKAT PULAU PINANG, MAINPP

Jumlah Agihan

RM58,522,108.40

telah diagihkan kepada

46,264

Penerima Manfaat

Terima Kasih Pembayar Zakat

Bayar zakat melalui zakatpenang2u.com

JOM BAYAR ZAKAT

Layari Portal Rasmi : zakatpenang2u.com ZAKAT

SOAL JAWAB ZAKAT

BERSAMA USTAZ HJ AZHARI

- ZAKAT PENDAPATAN
- ZAKAT SIMPANAN
- ZAKAT EMAS & PERAK
- ZAKAT KWSP
- ZAKAT TANAMAN
- TAKSIR ZAKAT
- FIDYAH

019-472 5101
YouTube Instagram Facebook

AMANAH UMMAH DIJAGA, HAK ASNAF DIBELA

Tahukah anda?

* Bayaran Zakat yang anda sedang diungarkan untuk saudara-saudere kita yang terputus berkenan makanan di seluruh Negeri Pulau Pinang. Jom tunai zakat! Hubungi kami!

WANG ZAKAT ANDA AMAT BERNILAI BUAAT ASNAF PULAU PINANG

Rifqi Mahroos Amir

013-437 1739 013-455 5598 018-388 2320

Bahagian Dakwah Korporat,
Zakat Pulau Pinang, MAINPP

zakatpenang2u.com



[zakatpenang](#)



04-5498088

"Amanah Ummah Dijaga, Hak Asnaf Dibela"

SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

AMRAN HAZALI
Ketua Pegawai Eksekutif
Zakat Pulau Pinang

SIDANG EDITOR

MOHAMAD FUAD
MD ISA
Timbalan Ketua Pegawai
Eksekutif (Pintadbiran)

DR. HAJI MOHAMAD
SALLEH ABDULLAH
Pengurus Besar Jabatan
Khidmat Pengurusan

KETUA EDITOR

KHAIROL AZHAR ZULKIFLI
Pengurus Bahagian
Komunikasi Korporat

EDITOR

MOHAMAD FADZIL
JAMALUDDIN

JURUGAMBAR

AHMAD AZRUL BIN HALIT /
MOHD HUSSEIN MOHD YASSEN